

SULIT



**UTHM**  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

**PEPERIKSAAN AKHIR  
SEMESTER II  
SESI 2016/2017**

NAMA KURSUS : KURIKULUM DAN PENGAJARAN  
SAINS SEKOLAH RENDAH  
KOD KURSUS : BBR 44403  
KOD PROGRAM : BBR  
TARIKH PEPERIKSAAN : JUN 2017  
JANGKA MASA : 3 JAM  
ARAHAN : JAWAB SEMUA SOALAN

**TERBUKA**


KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **EMPAT (4)** MUKA SURAT

SULIT

- S1 a) Satu daripada sebelas anjakan utama transformasi sistem pendidikan negara (Gelombang 1; PPPM 2013-2025) adalah menyediakan lebih akses kepada pendidikan berkualiti bertaraf antarabangsa. Jelaskan perubahan dari aspek rombakan peperiksaan kebangsaan dan Pentaksiran Berasaskan Sekolah menjelang tahun 2020.

(6 markah)

(b)



**Rajah S1(b)**

Rajah S1(b) menunjukkan persamaan ion bagi proses pengurangan. Proses pengurangan berlaku apabila wujud udara dan air. Jelaskan lima (5) aspek yang dapat diaplikasikan daripada fakta sains berhubung fenomena sains tersebut.

(10 markah)

- (c) Nyatakan empat (4) faktor keciciran seseorang pelajar dalam Pentaksiran Berasaskan Sekolah.

(4 markah)

- S2 (a) Fasa orientasi merupakan fasa terawal yang ditulis dalam Rancangan Mengajar Harian. Bina fasa orientasi dengan menggunakan maklumat berikut:

- i. tempoh antara 0 hingga 5 minit
- ii. tiga pernyataan aktiviti murid
- iii. tiga kemahiran
- iv. Standard kandungan : Manusia bergerak balas terhadap rangsangan
- v. tiga soalan
- vi. tiga jawapan saranan

(10 markah)

- (b) Bagaimanakah soalan berbentuk Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) boleh diaplikasikan dalam fasa refleksi pengajaran mikro?

(10 markah)

**TERBUKA**

- S3 (a) Amalan sains dalam kehidupan seharian boleh diterjemahkan kepada satu bentuk berskala yang lebih kecil seperti amali sains. Amali sains dapat dilaksanakan dengan lebih teratur dan tersusun dalam makmal yang disediakan. Terangkan mengapa penggunaan makmal secara optima gagal dilakukan oleh guru dan murid.

(10 markah)

- (b) Senaraikan langkah yang perlu dalam melaksanakan eksperimen secara berkumpulan mengikut kehendak Kurikulum Standard Sekolah Rendah dalam Dunia Sains dan Teknologi Tahun Dua.

(10 markah)

S4 *Penilaian ke atas murid menjadi isu dalam kalangan masyarakat. Penilaian yang berfokuskan peperiksaan telah dikenalpasti menyempitkan penguasaan kemahiran dimiliki oleh seseorang murid berbanding bentuk penilaian berasaskan sekolah yang telah dikenalpasti dapat mencorak kepelbagaian kemahiran yang dapat dikuasai oleh murid-murid.*

- (a) Berdasarkan pernyataan di atas, mengapakah penilaian berasaskan sekolah masih tetap diperlukan dan dilaksanakan ke atas murid-murid di sekolah rendah?

(6 markah)

- (b) Nyatakan empat (4) ciri-ciri persamaan di antara penilaian formatif dan penilaian sumatif.

(4 markah)

- (c) *Apabila kulit telur dicampurkan dengan cuka, ia akan menghasilkan buih-buih gas. Berdasarkan pemerhatian, dengan ilmu yang cukup, guru sains dapat menjelaskan kejadian suatu fenomena sains menerusi aspek pengetahuan, bahawa kulit telur mengandungi sebatian kalsium karbonat yang boleh bertindak balas dengan asid etanoik untuk menghasilkan garam terlarut, gas karbon dioksida dan air.*

Jelaskan lima (5) aspek kemahiran yang boleh digunakan untuk memahami sesuatu fenomena sains yang berlaku di sekeliling kita.

(10 markah)

**TERBUKA**

**S5** Anda dikehendaki menyediakan satu Rancangan Mengajar Harian (RMH) abad ke 21 bagi mata pelajaran Sains Tahun 5 yang berlangsung selama satu jam.

(20 markah)

**-SOALAN TAMAT-**



**SULIT**